


ITEX 2020

ITEX ONLINE 2020 Exhibitor Listing Events & Highlights

☰

👤

INTELLIGENT SOLAR IRRIGATION SYSTEM



Team Leader : ROSHAHLIZA M RAMLI

Team : JOHARIZAL JOHARI, WAHEB ABDUL JABBAR, SHAFI ABDULLAH, MOHAMMED NAZMUS SHAKIB,

Members : MUHAMAD NAIM MOHD YAZIK@MOHD NASIR, NGEW FEI TENG, MUHAMAD SUHAIMI SAMSUDIN, NORADILAH MOHAMAD SUKRI

Organisation : UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Description : This invention is a mechanized irrigation system using a water pump that uses solar energy and equips with a monitoring system that can be accessed through a mobile application to monitor the surrounding environment. The product is compact in size and portable to be located at any water source area.

EMAIL

FAVOURITE

AGRICULTURE

NUMBER OF VIEWS: 4

AGRICULTURE

NUMBER OF VIEWS: 6

AGRICULTURE

NUMBER OF VIEWS: 19

AGRICULTURE

NUMBER OF VIEWS: 7

Pulselinks.com

© 2016 (M)pulse (CH) AG all rights reserved.





265-K

MECHANIZED IRRIGATION SYSTEM WITH INTEGRATED MOBILE APPS

INTRODUCTION

The purpose of this project is to design and develop a mobile application that can be used to control and monitor a mechanized irrigation system. The system is designed to be user-friendly and easy to use, and it is intended to be used by farmers and agricultural workers. The system is designed to be used in a variety of environments, including indoor and outdoor settings.

OBJECTIVES

- To design and develop a mobile application that can be used to control and monitor a mechanized irrigation system.
- To design and develop a mobile application that can be used to control and monitor a mechanized irrigation system.
- To design and develop a mobile application that can be used to control and monitor a mechanized irrigation system.

RESULTS & DISCUSSION

The project was completed successfully and the mobile application was developed. The application is designed to be user-friendly and easy to use, and it is intended to be used by farmers and agricultural workers. The system is designed to be used in a variety of environments, including indoor and outdoor settings.

Year	Score	Rank
2018	85.00	1st
2019	85.00	1st
2020	85.00	1st
2021	85.00	1st
2022	85.00	1st

BENEFITS / ADVANTAGES

- Easy to use and understand.
- Can be used in a variety of environments.
- Can be used by farmers and agricultural workers.

ACKNOWLEDGMENT

The authors would like to thank the following people for their assistance and support during the development of this project:

- Dr. [Name]
- Dr. [Name]
- Dr. [Name]

POTENTIAL MARKET

The potential market for this system is large and growing. It is expected to be used by farmers and agricultural workers in a variety of environments, including indoor and outdoor settings.

ACHIEVEMENT

The project was completed successfully and the mobile application was developed. The application is designed to be user-friendly and easy to use, and it is intended to be used by farmers and agricultural workers. The system is designed to be used in a variety of environments, including indoor and outdoor settings.

DIPLOMA
WILSAW
INVENTION
BRONZE MEDAL

GOLD MEDAL

Booth desk area containing a laptop, mouse, smartphone, and other items.





[GENERAL](#)

Ts. Dr. Roshahliza cipta sistem pengairan solar pintar untuk kawasan yang tiada sumber elektrik

9 March 2021

Disediakan Oleh: Safriza Baharuddin dan Nur Hartini Mohd Hatta, Penerbit UMP

Penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Ts. Dr. Roshahliza M Ramli, 38, telah mencipta sistem pengairan solar pintar dalam skala kecil dan mudah digerakkan untuk ditempatkan di kawasan yang tiada sumber elektrik.

Menurut anak jati Kuala Lumpur ini juga, sistem tersebut dapat diawasi dan digunakan secara jarak jauh dengan menggunakan sistem komunikasi Wi-Fi daripada aplikasi telefon pintar.

“Penyelidikan ini telah dimulakan pada tahun 2018 bagi prototaip pertama yang bersaiz sedikit besar.

“Manakala bagi prototaip kedua pula dibangunkan pada tahun 2019 dengan saiz yang lebih kecil supaya mudah bergerak dengan penambahbaikan kepada ciri-ciri komunikasi bagi memudahkan pengawasan oleh pengguna.

“Idea kajian ini bermula setelah saya menemu ramah petani yang menjual hasil taninya di tepi jalan pada tahun 2017 yang pada ketika itu negeri Pahang sedang mengalami musim kemarau yang agak teruk,” katanya.

“Kebetulan pula laluan ulang-alik saya ke pejabat adalah melalui kawasan yang mempunyai banyak kebun pertanian dan para petani menjual hasil tani mereka di tepi jalan.

“Tetapi disebabkan oleh kekurangan sumber air dari punca hujan dan lokasi sumber air yang agak jauh, banyak tanaman yang tidak menjadi.

Kajian ini turut dijalankan bersama Pegawai Latihan Vokasional, Pusat Reka Bentuk dan Inovasi Teknologi (PRInT), Ts. Joharizal Johari, Penolong Pegawai Latihan Vokasional, Kolej Kejuruteraan, Mohd Shamsul Azmi Samsudin dan tujuh orang pelajar tahun akhir 3, program Teknologi Kejuruteraan (Elektrikal, Pembuatan dan Tenaga dan Persekitaran) di bawah kursus *Senior Design Project (SDP)* pada tahun 2018 dan 2019.

“Apabila prototaip ini berjaya dihasilkan, ia telah diuji di tapak fertigasi UMP Kampus Gambang setelah mendapat kerjasama daripada UMP Technology Sdn. Bhd.,” ujarnya.

Jelas beliau lagi, produk ini menggunakan tenaga solar bagi membekalkan tenaga kepada komponen elektronik yang digunakan di dalam sistem operasi pengairan air.

“Ia dapat menyimpan tenaga di dalam bateri bagi penggunaan waktu lain. Ia juga mempunyai pam air elektrik yang beroperasi secara jarak jauh menggunakan aplikasi telefon pintar sebagai pengantara.

“Aplikasi tersebut boleh memaparkan keadaan sekitar daripada sensor yang digunakan di dalam produk ini seperti suhu, kelembapan sekitar dan kelembapan tanah.

“Selain itu, mesin ini turut mempunyai penapis air yang boleh membantu meningkatkan kualiti hasil tanaman dengan penggunaan air yang lebih bersih tanpa bahan asing yang merbahaya,” katanya.

Katanya, matlamat akhir daripada hasil penyelidikan ini diharap dapat membantu dan meringankan beban para petani dan peladang menguruskan kawasan pertanian mereka tanpa mengharapkan tenaga buruh asing yang agak membebankan dalam kos operasi dengan penghasilan produk ini yang menelan kos sekitar RM1,500 hingga RM2,000 seunit.

“Selain itu, pembaziran sumber air juga dapat dikawal sekiranya sistem operasi mesin ini dioptimumkan mengikut keperluan tanaman tersebut.

“Ciri-ciri yang ada pada produk ini boleh disesuaikan dengan keperluan yang diperlukan oleh petani atau peladang bagi penggunaan di kebun atau ladang seperti sistem operasi kepada

pengairan air sama ada secara automatik, separa automatik atau menggunakan jangka masa (*timer*).

“Selain itu juga ialah sistem komunikasi produk ini boleh dipilih sama ada melalui aplikasi telefon pintar atau pautan internet, penggunaan Wi-Fi atau sistem SMS dan penggunaan parameter pengawasan yang lebih banyak seperti kelembapan tanah, suhu kawasan, pengesanan hujan dan lain-lain lagi,” katanya.

“Pada masa akan datang, saya bercadang untuk meluaskan fungsi produk ini dengan penambahan kamera pengawasan yang boleh dilihat melalui aplikasi telefon pintar yang telah dibangunkan dan pengawalan pam air elektrik secara lebih pintar dengan menggunakan data persekitaran.

“Malah, saya juga bercadang untuk menambah baik produk ini supaya ia juga boleh digunakan sebagai jet air bagi membantu kerja-kerja pembersihan pasca banjir apabila melihat bencana banjir yang telah melanda Pahang dan Kawasan Pantai Timur baru-baru ini,” ujarnya.

Menurut Ts. Dr. Roshahliza lagi, setelah projek ini berjaya disiapkan pada akhir tahun 2019 dan berjaya memenangi pingat emas di CITREX 2020, anak syarikat Yayasan Pahang, YP Plantation Holdings Sdn. Bhd. (YPPH) telah berminat untuk bekerjasama dengan ahli projek dalam membantu membangunkan sistem pengairan bagi tapak semaian kelapa sawit di Rompin, Pahang yang berkeluasan 10.5 hektar.

“Pihak YPPH telah bersetuju untuk membiayai projek tersebut di bawah Geran Padanan Industri bagi projek fasa pertama yang melibatkan kawasan tapak semaian kecil bijih benih kelapa sawit seluas 0.7 hektar yang akan bermula pada Mac 2021.

“Sebelum ini iaitu pada tahun 2019, projek ini telah memenangi pingat perak di dalam pertandingan inovasi CITREX dan pingat emas di dalam pertandingan inovasi i-Finog anjuran UMP.

“Setelah itu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) UMP pula telah memilih projek ini untuk dipertandingkan di International Warsaw Invention Show di Poland pada Oktober 2019 dan memenangi pingat gangsa,” katanya.

Ujarnya, ia merupakan satu pengiktirafan yang besar bagi pelajar saya yang telah bertungkus-lumus menyiapkan projek ini dan seterusnya ditambah baik untuk dipertandingkan pada CITREX 2020 dan Bberjaya memenangi pingat emas.

“Setelah itu, projek ini turut dipertandingkan di ITEX 2020 secara dalam talian dan berjaya membawa pulang pingat perak untuk UMP.

“Saya berharap produk ini dapat membantu petani dan pekebun kecil yang tidak berupaya untuk menggaji ramai pekerja dan memudahkan pengurusan tanaman dengan penggunaan teknologi yang saya bangunkan ini.

“Dengan teknologi yang saya bangunkan ini, saya juga berharap dapat meningkatkan kualiti hasil tanaman sebagai sumber makanan negara setanding dengan pembangunan pertanian di negara maju seperti di Eropah, India dan China,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menjalankan dua projek penyelidikan lain iaitu *‘Speech Intelligibility Algorithm for Assistive Listening System for Hearing Impairment Improvement’* yang dibiayai oleh KPT melalui Geran Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) dan *‘Development of Unmanned Ground Vehicle on Stability Study in Fork-lift Grasping for Automotive Application’* yang dibiayai oleh Geran Pusat Kejuruteraan Automotif (AEC).

TAGS / KEYWORDS

[PENERBIT](#)

[AEC](#)

[FTKEE](#)